

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 01.05.2025 MASA: 10.30AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU
DI SUNGAI TEMBUS, PENAGA**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**04 MEI 2025 (AHAD)
8.30 PAGI**

**DEWAN NELAYAN SUNGAI TEMBUS, PENAGA
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini dalam **Program Penanaman Pokok Bakau Di Sungai Tembus Penaga**, yang merupakan salah satu inisiatif proaktif Majlis Bandaraya Seberang Perai dalam usaha memelihara kelestarian alam sekitar.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan komitmen terhadap penganjuran program ini, khususnya kepada TMK Chemicals Berhad yang telah berbesar hati menyumbangkan sebanyak 300 anak benih pokok bakau untuk ditanam di kawasan ini, serta kepada Persatuan Nelayan Sungai Tembus atas penglibatan aktif mereka. Sumbangan dan kerjasama erat antara sektor awam, swasta dan komuniti setempat ini amat dihargai, dan sewajarnya dijadikan contoh sinergi strategik yang mendukung agenda kelestarian alam sekitar.
3. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua warga kerja MBSP yang terlibat secara langsung

mahupun tidak langsung serta kepada para peserta dan hadirin sekalian yang sudi meluangkan masa untuk turut serta dalam menjayakan program ini. Sesungguhnya, inisiatif seperti ini membuktikan komitmen kita bersama dalam memastikan kelangsungan ekosistem dan alam sekitar untuk generasi masa hadapan.

4. Sebagaimana yang kita sedia maklum, ekosistem hutan bakau memainkan peranan penting dalam kestabilan alam semula jadi. Ia berfungsi sebagai benteng semula jadi terhadap hakisan pantai, menjadi habitat kepada pelbagai spesies hidupan liar, serta bertindak sebagai penyerap karbon yang berkesan dalam menangani perubahan iklim. Namun begitu, kawasan hutan bakau kini semakin menyusut akibat tekanan pembangunan dan aktiviti manusia yang tidak lestari.
5. Justera, Sungai Tembus telah dikenal pasti sebagai lokasi strategik bagi pelaksanaan aktiviti penanaman semula bakau memandangkan potensinya dari aspek geografi dan ekologi. Program hari ini bukan sahaja bertujuan untuk memulihkan kawasan tersebut, tetapi turut menjadi wadah pendidikan alam sekitar yang bersifat langsung kepada para peserta, khususnya golongan muda.
6. Saya dimaklumkan bahawa seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada wakil syarikat TMK Chemicals Berhad dan ahli Persatuan

Nelayan Sungai Tembus akan menyertai program ini. Ini membuktikan bahawa semangat kesukarelawanan dan tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) semakin menebal dalam masyarakat kita.

7. Usaha pemuliharaan seperti ini tidak boleh dilihat sebagai suatu aktiviti bermusim atau simbolik semata-mata. Sebaliknya, ia harus menjadi sebahagian daripada budaya dan gaya hidup masyarakat. MBSP akan terus berusaha untuk menerapkan pendekatan secara holistik dan inklusif dalam pengurusan alam sekitar sejajar dengan aspirasi kita untuk menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah bandaraya rendah karbon yang berdayahuni.
8. Saya menaruh harapan yang tinggi agar program seperti ini dapat diteruskan secara berperingkat dan diperluas ke kawasan-kawasan lain di Seberang Perai, di samping memperkukuh jaringan kerjasama antara kerajaan tempatan, agensi, sektor swasta dan komuniti.
9. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan Program Penanaman Pokok Bakau di Sungai Tembus pada pagi ini. Semoga segala usaha murni ini mendapat keberkatan dan memberi manfaat besar kepada alam dan kehidupan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.